

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 28 Julai 2021 13:45
To: UUM - All Staff
Subject: Iklan Jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Utara Malaysia (UUM)
Attachments: IKLAN JAWATAN TNC (HEPA) UUM 2021.pdf; LAMPIRAN 1_RINGKASAN CV UUM.docx; Lampiran 2_RINGKASAN CADANGAN KPI DAN PERANCANGAN.DOCX; Lampiran 3_KRITERIA UMUM.DOCX



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

28 JULAI 2021 / 18 ZULHIJAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) mempelawa calon-calon yang berkeelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan sebagai **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** di UUM.

Bersama-sama ini dilampirkan iklan jawatan untuk makluman. Tarikh akhir penerimaan permohonan adalah pada **18 Ogos 2021 (Rabu)**.



IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Universiti Utara Malaysia (UUM) mempelawa calon-calon yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** di UUM. Maklumat jawatan adalah seperti berikut:

MAKLUMAT JAWATAN:

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Kumpulan Perkhidmatan:	Pengurusan Tertinggi
Gred	: Gred Utama B (VU6)
Jumlah Gaji	: Minimum - RM8,315.00 Maksimum - RM22,445.00
Taraf Lantikan	: Secara Pertukaran Sementara/Peminjaman/Kontrak
Tempoh Lantikan	: Tiga (3) Tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)
Kelayakan	: Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Prof.Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Pengajian/ Fakulti/Jabatan

1. KRITERIA UMUM

Pemilihan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) secara umumnya adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

i) Kecemerlangan Akademik

Pemohon mestilah mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii) Pengiktirafan Antarabangsa

Pemohon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Pemohon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv) Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v) Personaliti

Pemohon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* UUM sebagai sebuah Universiti Pengurusan.

2. KRITERIA KHUSUS

Kriteria khusus berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam adalah seperti berikut:

i) Berkemampuan Menguruskan Urusan berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar:

Calon perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini kerana penyandang jawatan ini bertanggungjawab menetapkan halatuju pengisian program/projek/aktiviti yang dianjurkan oleh pelbagai badan pelajar termasuklah Majlis Perwakilan Pelajar supaya pengisian program/projek/aktiviti tersebut adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

ii) Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam mereka bentuk dan melaksanakan Ko-Kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara Holistik

Mempunyai kemahiran dalam mereka bentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan hasil pembelajaran (LO) dan kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut efektif yang perlu dihasilkan melalui aktiviti ko-kurikulum. Calon perlu mempunyai pengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

iii) Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan hal ehwal pelajar

Calon mestilah seorang yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang atau malam. Calon juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling runding cara sebagai asas untuk mendekati pelajar bagi mengetahui permasalahan mereka. Calon bagi jawatan ini juga akan terlibat dalam pelbagai jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

iv) Berpengalaman dalam menguruskan Asrama/ Inapan Siswa/ Kolej Penginapan Pelajar

Calon mestilah mempunyai asas pengurusan Asrama/ Inapan Siswa/ Kolej Kediaman Pelajar di Universiti. Calon juga mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

v) Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni

Calon mestilah mempunyai hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini kerana peranan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

3. CARA MEMOHON

- i) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan:
 - a) Surat Permohonan Rasmi.
 - b) Ringkasan Curriculum Vitae (CV) seperti di **Lampiran 1**.

- c) Curriculum Vitae (CV) yang lengkap dan terkini berserta salinan dokumen/sijil yang berkaitan (**termasuk dua(2) nama penyokong sebagai rujukan(referee)**)
 - ii) Calon dikehendakki mengemukakan bersama cadangan *Key Performance Indicator (KPI)* dan ringkasan perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) seperti format di **Lampiran 2**.
 - iii) Calon juga perlu melengkapkan Borang Kriteria Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) seperti pada **Lampiran 3**.
4. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dijemput untuk sesi temu bual. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa empat (4) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Permohonan lengkap hendaklah dialamatkan kepada:
- PENDAFTAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH**
- Faksimili : 04-9283104
Emel : rasidi@uum.edu.my / norazlina@uum.edu.my
6. Tarikh akhir penerimaan permohonan adalah pada 18 Ogos 2021 (Rabu).
- Permohonan boleh **tidak dipertimbangkan** sekiranya; tidak disertakan salinan dokumen-dokumen seperti di atas, salinan dokumen tidak disahkan, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat kelayakan dan kriteria seperti yang ditetapkan dalam iklan.
7. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi:
- a) Encik Ahmad Rasidi Abdullah
Pendaftar
rasidi@uum.edu.my / 04-9283100/3101
 - b) Encik Muhammad Iskandar Zulkarnain Muhammad Suhaimi
Ketua Penolong Pendaftar Kanan
iskandar@uum.edu.my / 04-9283180

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**PENDAFTAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH**

**Emel: rasidi@uum.edu.my / norazlina@uum.edu.my
No. Faks: 04-928 3104**

Sekian, harap maklum.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.